

# Kriteria kelayakan dan program ijazah tersendiri di SIT, UniSIM

*Sedia peluang bagi lepasan sekolah, pekerja dan pertimbang pengalaman kerja*

Oleh **AZAHAR MOHD**  
azahar@sph.com.sg

UNIVERSITI kelima Singapura, Institut Teknologi Singapura (SIT), akan menggabungkan pengalaman kerja dengan keperluan akademik melalui program Pendidikan Koperatif.

SIT, yang diberi taraf autonomi, akan juga menawarkan program ijazah kepada lulusan politeknik, maktab rendah dan pelajar Program Bersepadu (IP).

Universiti SIM (UniSIM), universiti keenam Singapura, pula menawarkan program ijazah sepenuh masa, dibiayai dana awam dan menerima lepasan sekolah serta orang dewasa yang bekerja. Selain pencapaian akademik, UniSIM akan menerima pengalaman kerja dan bakat khusus bagi pertimbangan untuk yang ingin mengikuti kursus-kursus ijazah.

Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat, berkata kesemua enam universiti di sini menawarkan pengalaman pembelajaran unik, berbeza dan berlainan.

## Respons pemerintah terhadap saranan CUEP

- ▶ Tambah 3,000 lagi tempat di universiti menjelang 2020, iaitu 40 peratus setiap kohort
- ▶ Pelbagaikan landskap universiti dengan membangunkan laluan ijazahgunaan
- ▶ Institut Teknologi Singapura (SIT) menjadi universiti autonomi kelima
- ▶ Memperkenalkan program ijazah sepenuh masa di UniSIM
- ▶ Mempertingkatkan laluan Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET):
  - Tawar skim bantuan kewangan pemerintah kepada pelajar sambilan UniSIM
  - Tawar lebih banyak tempat bagi ijazah separuh masa

“Ia mencerminkan komitmen dan pelaburan besar Pemerintah bagi membantu warga Singapura mempunyai kemahiran dan keupayaan mendalam, lebih-lebih lagi dalam sekitaran globalisasi dan ekonomi mencabar.

“Namun lebih daripada itu, saya berharap peluasan sektor universiti ini memberi isyarat kepada pekerja Singapura mengenai betapa penting budaya pembelajaran sepanjang hayat, yang tidak terhenti selepas mereka meninggalkan bangku sekolah,” kata beliau.

Encik Heng berkata demikian ketika memberi respons Pemerintah terhadap saranan Jawatankua-

sa Laluan Pendidikan Universiti Melempi 2015 (CUEP) bagi mengembangkan sektor universiti dan memenuhi permintaan tinggi bagi pendidikan universiti.

### ▶ Butir badan selaras prasekolah diumumkan esok 2

Turut hadir di sidang akhbar semalam ialah Menteri Negara Kanan (Pendidikan merangkap Penerangan, Perhubungan dan Kesenian), Encik Lawrence Wong, yang juga pengerusi CUEP; Presiden SIT, Profesor Tan Thiam Soon, dan Presiden UniSIM, Profesor Cheong Hee Kiat.

Dalam Rapat Hari Kebangsaan Ahad lalu, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, mengumumkan SIT dan UniSIM akan menjadi universiti kelima dan keenam Singapura.

Sekitar 3,000 pelajar lagi akan diterima masuk ke universiti setempat menjelang 2020 – naik kepada 16,000 pelajar berbanding 13,000 hari ini.

Ini bermakna 40 peratus daripada setiap kohort berpeluang melanjutkan pengajian ke universiti.

Empat lagi universiti setempat ialah Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD), Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Kementerian Pendidikan turut mengumumkan lebih banyak tempat akan diperuntuk bagi Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET), daripada sekitar 7 peratus kepada 10 peratus.

Pemerintah akan juga menyediakan lebih banyak sokongan bagi mereka yang memburu ijazah menerusi pusat CET. Antara lain ia akan meningkatkan sokongan kewangan bagi pelajar dewasa dengan menawarkan skim bantuan kewangan kepada pelajar program ijazah sambilan di UniSIM.

Selain itu, Pemerintah mahu menggalak rakan-rakan industri menawarkan lebih banyak biasiswa kepada mereka yang mahu mempertingkatkan diri selepas memperoleh beberapa pengalaman kerja.